

02/04/2001

Pencalonan bahagian: Usah jadikan parti mangsa

Jamhariah Jaafar

UMNO memasuki satu lagi era yang bakal menentukan hala tuju sebagai parti terunggul Melayu negara ini apabila mesyuarat peringkat bahagian yang bermula semalam menyenaraikan barisan kepemimpinannya bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun akan datang.

Pemilihan kali ini adalah penting kerana barisan pemimpin hadapan peringkat akar umbi itu akan menjadi nadi utama Umno bagi menghadapi cabaran pembangkang yang sekarang sudah memulakan jentera gerak gempurnya bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Tindakan yang dilakukan oleh Datuk Fauzi Abdul Rahman yang sanggup meletak jawatan sebagai Adun Beserah semata-mata kerana tidak mendapat pencalonan yang cukup untuk mengekalkan kedudukan sebagai Ketua Bahagian, patut dijadikan iktibar.

Tanpa mengkaji hakikat sebenar di sebalik keputusan Fauzi itu, persoalan yang patut diketengahkan ialah adakah wajar seorang pemimpin yang dipilih rakyat membuat keputusan seumpamanya dan meletakkan parti di dalam kedudukan tersepit semata-mata kerana tidak mendapat sokongan padu daripada ahli partinya sendiri.

Ketika ini, wujud dua pendapat utama mengenai siapa yang patut menjadi teraju utama peringkat bahagian:

- * Suntikan darah muda adalah mandatori bagi Umno memulihkan imejnya; dan
- * Pemimpin lama yang berpengalaman dan berwibawa perlu terus dikekalkan bagi menjamin keunggulan parti.

Semua tokoh Pergerakan Pemuda Umno yang ditemui berkata, pemimpin yang sudah terlalu lama memegang jawatan pada peringkat bahagian patut memberi laluan kepada darah muda untuk menyegarkan semula Umno yang dianggap sudah menjadi sebuah kelab eksklusif.

Bagaimanapun, kebimbangan golongan ini memang disedari kerana hampir separuh daripada ketua Pemuda bahagian terpaksa memasuki arus perdana kepimpinan disebabkan sudah melepasi usia 40 tahun.

Ramai yang tidak mahu menjadi 'kurang ajar' untuk merampas jawatan tertinggi bahagian tetapi pada masa sama kedudukan sekadar menjadi ahli jawatankuasa biasa dianggap boleh menjejaskan kewibawaan mereka sebagai pemimpin pelapis.

"Dalam Umno, kita tidak mempunyai proses regenerating. Kita punya satu set pemimpin lama dan satu set lagi yang baru tapi tidak ada di tengah-tengah... pelapis kedua tidak ada.

"Sepatutnya, yang baru patut memberi sumbangan awal, kemudian diletak pada satu tahap yang wajar pada peringkat pertengahan sebelum diketengahkan pada arus perdana," kata Ketua Umno Bahagian Tambun, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah.

Ahli Parlimen Wangsa Maju, Datuk Zulhasnan Rafique, adalah antara yang berpendapat bahawa suntikan darah muda adalah mandatori bagi membolehkan Umno memulihkan imejnya, terutama di kalangan generasi muda yang kelihatan lebih condong kepada pembangkang.

"Ombak perubahan adalah perlu tetapi bukan saja dari segi barisan kepemimpinannya, bahkan dalam corak pemikiran pemimpin yang dipilih itu sendiri," katanya.

Keputusan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyuntik lebih ramai darah muda ke dalam parti serta pada peringkat kepimpinan utama juga dilihat sebagai satu sokongan serta dorongan supaya usaha yang sama patut dilaksanakan pada peringkat bahagian.

Nama-nama seperti Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo yang dilantik Menteri Besar Selangor, serta dua anak muda, Azimi Daim dan Azalina Othman, dilantik ahli Majlis Tertinggi (MT), dilihat sebagai petanda sihat untuk generasi muda turut menawarkan diri bagi jawatan penting sekurang-kurangnya pada peringkat bahagian.

Namun, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, menganggap tindakan Perdana Menteri bukan satu perkara baru kerana proses menyuntik darah muda ke dalam senarai kepimpinan utama memang dilakukan sepanjang masa.

"Ini dibuat oleh semua pemimpin. Saya sudah berada di dalam MT selama 25 tahun. Ketika pertama kali dilantik Tun Razak pada 1974, saya berusia 31 tahun.

"Tun Hussein (Onn) membawa saya masuk dalam Kabinet ketika saya berusia 33 tahun. Sebelum itu, Tun Fatimah membawa saya menyertai senarai Exco Wanita pada usia 20-an lagi. Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) juga masuk Kabinet sejak usia muda lagi.

"Malangnya, sekarang orang tengok kami orang lama. Jadi, jangan sebut tentang orang lama atau orang baru kerana Umno memang sentiasa ada suntikan darah baru," kata Ketua Pergerakan Wanita Umno itu yang enggan memegang sebarang jawatan pada peringkat bahagian di Kuala Kangsar.

Bagaimanapun, tegasnya, proses suntikan darah baru itu bukan bererti mana-mana calon terus memegang jawatan, sebaliknya hendaklah berkhidmat dahulu pada peringkat cawangan, bahagian atau biro.

"Mereka ini perlu perhati dan belajar dulu... bila sampai masanya orang tua ini hendak pencen, ambillah (jawatan).

"Tapi interpretasi darah baru sekarang ialah terus hendak pegang jawatan tanpa belajar terlebih dulu. Orang seperti ini tidak akan berjaya kerana mereka akan membawa cara yang janggal kepada Umno," katanya.

Justeru, persoalan yang dikemukakan sekarang ialah perlukah diadakan pertandingan pada peringkat bahagian atau tidak? Kompromi memang jawapan terbaik tetapi ia mungkin sukar untuk dipraktikkan.

Husni berpendapat, sebarang usaha untuk melakukan perubahan sekarang perlu dikaji dengan teliti, terutama faktor-faktor yang boleh menjejaskan atau menggugat kedudukan parti.

Katanya, sebenarnya apa yang perlu ditukar ialah mental dan corak pemikiran pemimpin itu dulu kerana pemimpin yang bakal dipilih tidak boleh terus memiliki jenis mentaliti sekarang.

"Kompromi adalah perkara terbaik sekarang. Bagaimanapun, ia hanya mudah untuk disebut, tetapi sukar untuk dipraktikkan. Apa yang berlaku sekarang ialah ramai ahli yang melihat Umno pada peringkat dalaman saja, tidak ramai yang melihat dan mengkaji apa yang akan terjadi selepas pemilihan ini berakhir.

"Akibatnya ialah ramai yang fikir mereka masih kuat dan kukuh tetapi tidak pernah berfikir untuk menilai dengan ikhlas kedudukan masing-masing," katanya.

Beliau berkata, bagi memastikan Umno tidak lagi diheret dengan corak pemikiran dan pentadbiran lama yang selama ini menjejaskan imej parti, barisan kepimpinan parti mesti mengandungi kumpulan yang ada idea dan kreatif.

Bagi memiliki kumpulan yang mantap seumpama itu, katanya, suntikan darah baru adalah wajib, tetapi tidak semestinya menghuni jawatan tertinggi bahagian.

"Konsep kerja sepasukan perlu diwujudkan mulai sekarang," katanya.

Bersetuju dengan pendapat itu, Zulhasnan pula menegaskan semua pemimpin Umno, terutama pada peringkat akar umbi, mesti ada pendekatan dengan rakyat.

"Pendekatan dengan rakyat itu bukan hanya membabitkan ketua bahagian,

tetapi semua ahli Umno dan ia bukan boleh dibuat dalam tempoh enam bulan sebelum pilihan raya tetapi sepanjang masa," katanya.

Rafidah pula berpendapat, mereka yang mendesak supaya perubahan drastik dibuat pada kepemimpinan bahagian, sebenarnya lupa bahawa sekiranya mereka sendiri mendapat jawatan, mereka juga ingin duduk lama-lama.

"Bila 20 tahun akan datang, bila orang lain pula kata dia dah lama, sudah tentu dia juga akan melenting.

"Ini adalah satu masalah. Sebenarnya apa yang patut kita bahaskan di sini ialah pemimpin asalkan berupaya, dia bukan satu masalah.

"Orang yang baru pun, tapi kalau tidak guna, setahun pun kita akan buang. Tapi kalau orang lama, sekiranya dia berkhidmat dan memberi banyak keuntungan pada parti, kenapa kita hendak buang dia. Kalau kita asyik kira umur, susahlah," katanya.

Justeru, tegasnya, setiap ahli, terutama perwakilan yang bakal membuat keputusan untuk memilih barisan kepemimpinan baru, perlu berfikiran waras dan menilai peribadi serta kewibawaan setiap calon, termasuk orang lama.

"Kalau ketua lama masih berkesan, masih boleh berkhidmat, 'track record' bagus, setiap kali pilihan raya jenteranya berkesan, tidak pernah menyeleweng, buat apa diganti.

"Tetapi kalau dia tidak lagi berkesan, pilih kasih dan memang semua orang tidak puas hati, jadi kita kenalah ganti," katanya.

Bagaimanapun, kata Rafidah, ahli Umno perlu memastikan bahawa pengganti terbabit mestilah orang yang lebih baik dan proses penggantian itu biarlah dibuat secara aman dan demokrasi.

"Jangan pula berkempen memburuk-burukkan calon kerana jika calon baru itu kalah dan yang lama itu masih naik, maka akan timbul pula masalah berpuak-puak," katanya,

Rafidah menasihatkan semua perwakilan supaya jangan hanya melihat kepada usia mereka yang bakal menjadi pemimpin kerana ia tidak boleh menentukan corak kepemimpinan serta keberkesanan mereka sebagai pemimpin.

"Nilai-nilai dan ciri-ciri kepemimpinan tidak ada kena mengena dengan umur kerana ada orang muda yang mempunyai nilai kepemimpinan yang lebih baik daripada orang tua, begitu juga sebaliknya.

"Dalam keadaan hari ini, perubahan mesti berlaku tetapi ia tidak boleh dibuat semalaman. Jadi, lihat kepada calon itu sendiri, jangan lihat kepada umurnya.

"Jangan lupa, terutama yang muda yang menggunakan umur untuk menentang si tua, bahawa mereka juga akan jadi tua. Jadi, mereka sudah tentu tidak suka untuk berada dalam keadaan yang sama pada masa depan," katanya.

(END)